



SOALAN – SOALAN LAZIM

'Permintaan DuitNow'

Glossary

1.	Peminta	Seseorang yang menghantar permintaan bayaran kepada pembayar.
2.	Pembayar	Seseorang yang membuat bayaran berdasarkan jumlah yang diminta oleh Peminta.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah itu Permintaan DuitNow ?	Permintaan DuitNow ialah perkhidmatan yang membolehkan Peminta (kedua-dua individu dan perniagaan) menghantar permintaan pembayaran digital untuk menarik dana daripada Pembayar. Perkhidmatan Permintaan DuitNow boleh didapati melalui e-Wallet, Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih.
2.	Siapakah yang boleh menggunakan Permintaan DuitNow?	Semua pelanggan baharu dan sedia ada di Agrobank boleh menggunakan Permintaan DuitNow melalui Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih kami.
3.	Kenapa memilih Permintaan DuitNow?	Dengan Permintaan DuitNow, pelanggan boleh meminta wang serta-merta secara 24/7 melalui nombor mudah alih, nombor kad pengenalan, nombor pendaftaran perniagaan atau nombor akaun bank. Anda boleh meminta dana serta-merta pada bila-bila masa, di mana sahaja.
4.	Bagaimanakah pelanggan boleh meminta bayaran dengan menggunakan Permintaan DuitNow?	Log masuk AGRONet/ AGRONetBIZ atau AGRONet Mobile dan pilih menu Permintaan DuitNow ke salah satu ID pembayar di bawah: a. Nombor telefon b. Nombor kad pengenalan c. Nombor passport d. Nombor pendaftaran perniagaan (hanya perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia) perniagaan) e. Nombor akaun bank
5.	Bagaimanakah untuk melakukan permintaan DuitNow?	Permintaan DuitNow kini tersedia di AGRONet, AGRONet Mobile dan AGRONetBIZ di menu DuitNow. DuitNow > Permintaan DuitNow
6.	Adakah pelanggan perlu mendaftar untuk Permintaan DuitNow?	Tiada pendaftaran diperlukan untuk membuat Permintaan DuitNow.
7.	Di manakah pelanggan boleh melihat senarai Permintaan DuitNow?	Pelanggan boleh melihat senarai masuk di Permintaan DuitNow pada DuitNow > Permintaan DuitNow > Permintaan Masuk - Pending Lima (5) senarai masuk terkini Permintaan DuitNow akan dipaparkan di halaman utama.
8.	Apakah yang perlu dilakukan oleh Pembayar apabila menerima masuk Permintaan DuitNow?	Pembayar boleh membayar Permintaan DuitNow dan bayaran akan dikreditkan kepada akaun Peminta. Pembayar juga boleh menolak Permintaan DuitNow atau memajukan permintaan tersebut kepada ID atau Nombor Akaun DuitNow yang lain.
9.	Bolehkah Pembayar menolak Permintaan DuitNow?	Ya. Pembayar boleh menolak permintaan DuitNow.



SOALAN – SOALAN LAZIM

'Permintaan DuitNow'

BIL	SOALAN	JAWAPAN
10.	Berapakah bilangan Permintaan DuitNow yang boleh dihantar oleh Peminta?	Peminta boleh menghantar sehingga 20 Permintaan DuitNow dan menunggu tindakan Pembayar pada bila-bila masa. Selepas menghantar Permintaan DuitNow ke-20, peminta memerlukan pembayar untuk bertindak atas Permintaan DuitNow yang belum selesai jika ingin menghantar permintaan baharu.
11.	Seberapa cepatkah pemindahan Permintaan DuitNow berlaku?	Pemindahan Permintaan DuitNow berlaku serta-merta, dan Peminta akan menerima wang ke dalam akaun bank serta-merta selepas kelulusan Pembayar.
12.	Adakah Pembayar akan dimaklumkan setelah pembayaran dibuat?	Ya. Pembayar akan menerima notifikasi Permintaan DuitNow daripada Perbankan Internet/ Perbankan Mudah Alih atau e-Wallet mereka. Sebaik sahaja Permintaan DuitNow disemak dan diluluskan oleh Pembayar, dana akan dikreditkan ke akaun bank Peminta dengan serta-merta.
13.	Adakah pelanggan akan dikenakan bayaran untuk menggunakan Permintaan DuitNow?	<p>AGRONet & AGRONet Mobile</p> <ul style="list-style-type: none"> - Percuma <p>AGRONetBIZ</p> <ul style="list-style-type: none"> - Percuma
14.	Apakah jenis akaun yang boleh digunakan untuk membayar kepada Penerima?	Semua jenis akaun perbankan boleh digunakan untuk membayar kecuali akaun simpanan berjangka. Ini termasuk semua jenis akaun simpanan konvensional dan/atau islamik, akaun semasa, akaun pelaburan, akaun internet maya dan akaun e-Wallet.
15.	Apakah had transaksi harian untuk pelanggan?	<p>Had transaksi harian seperti berikut:</p> <p>AGRONet</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sehingga RM50,000 <p>AGRONet Mobile</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sehingga RM10,000 <p>AGRONetBIZ</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berdasarkan kepada had tetapan syarikat <p><i>Nota: Had Transaksi Permintaan DuitNow adalah berkongsi bersama Pemindahan DuitNow.</i></p>
16.	Berapa lamakah tempoh sah Permintaan DuitNow?	Tarikh tamat tempoh permintaan pembayaran akan dipaparkan kepada Peminta dan Pembayar.

Untuk pertanyaan lanjut dan sebarang bantuan, sila hubungi talian **Khidmat Pelanggan** di **1-300-88-2476** atau e-melkan kepada customer@agrobank.com.my.

